

MAHATHIR-TANAH

1984

JITRA, 13 MEI (BERNAMA) - - DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGGESA MASYARAKAT LUAR BANDAR BERSIKAP TERBUKA MENERIMA NASIHAT DAN TUNJUKAJAR MENGENAI CARA-CARA PERTANSAAN MODEN UNTUK MENAMBAH PENDAPATAN.

P E R O A N A MENTERI BERKATA BANYAK TANAH-TANAH YANG SUBUR OF KAMPUNG-KAMPUNG TERBIAR KERANA MEREKA TIDAK TAHU MENGGUNAKAN TANAH SECARA OPTIMA DENGAN TANAMAN-TANAMAN TERTENYU YANG BOLEH MENAMBAH PENDAPATAN MEREKA.

BELIAU MENAMBAH, SEBALIKNYA MEREKA MENGELUH BAHAWA MEREKA HIDUP DALAM KEMISKINAN DAN TIDAK MEMPUNYAI APA-APA PUN UNTUK MEMBAIKI TARAF HIDUP SEDANGKAN P A O A HAKIKATNYA TANAH SUBUR MEREKA LEBIH BERNILAI DARI WANG RINGGIT.

BERUCAP MERASMIKAN KHEMAH-KERJA JURUTEKNIK PERTANIAN ANJURAN BERSAMA JABATAN PERTANIAN SEMENANJUNG MALAYSIA DAN KESATUAN JURUTEKNIK PERTANIAN SEMENANJUNG MALAYSIA, PERDANA MENTERI MENAMBAH MEREKA

SEBENARNYA TIDAKLAH MISKIN.

KATANYA TANAH-TANAH SUBUR YANG MEREKA MILIKI MERUPAKAN PUNCA KEKAYAAN ASALKAN MEREKA SANGGUP +BERUSAHA SEDIKIT BERUCUK TANAM - - - MEREKA BOLEH MENDAPAT HASIL.+ - - LAGI 2020/MB

ZCZC 8655

MAHATHIR-TANAH '2 JITRA

DATUK SERI O R MAHATHIR MENGULANGI BAHAWA APA YANG PENTING MEREKA HARUSLAH MENUKAR SIKAP KEPADA PANDAI MENILAI TANAH DAN MEMPUNYAI KESEDARAN SERTA BERSYUKUR BAHAWA MEREKA BERNASIB BAIK OSKWRNSAKAN TANAH YANG SUBUR.

+GUNAKANLAH TANAH-TANAH YANG SUBUR YANG SELAMA INI TERBIAR UNTUK MENAMPUNG KEMISKINAN KITA KERANA BUMI KITA ADALAH MODAL Y A N G TERBESAR SEKALI MALAH SEPERTI SEBUAH BANK,+ KATANYA.

+TERIMALAH NASIHAT DAN TUNJUKAJAR DARI JURUTEKNIK-JURUTEKNIK PERTANIAN WALAUPUN MEREKA MUDA MEREKA TELAH DILATIH DENGAN PENGETAHUAN Y A N P E R L U INI PERLU DIHORMATI,+ TAMBAHNYA.

BELIAU BERKATA KERAJAAN AKAN MEMBANTU +SEDIKIT SEBANYAK+ UNTUK MEMAJUKAN BIDANG PERTANIAN TETAPI MEREKA TIDAK SEPATUTNYA SEMATA-MATABANTUAN P A O A U S A H A K E R A N A J L K A DEMIKIAN +LEBIH BAIK KERAJAAN BERI DUIT RINGGIT.+

DATUK SERI O R MAHATHIR YAKIN DENGAN KERJASAMA TIGA PENJURU IAITU KESANGGUPAN PENDUDUK LUAR BANDAR BERUSAHA, BANTUAN KERAJAAN D A N KHIDMAT BAKTI PARA JURUTEKNIK PERTANIAN KEDUDUKAN BUMI PUTERA LUAR BANDAR MENINGKAT. - - LAGI 2025/MB

MAHATHIR-TANAH 3 JITRA

BELIAU JUGA YAKIN LANGKAH KERAJAAN HEMPERKENALKAN LADANG BERKELOMPOK DAN MENYUSUN SEMULA KAMPUNG-KAMPUNG TERPENCIL MENJADI BANDAR KECIL

AKAN DAPAT MEMPERBAIKI LAGI TARAF HIDUP PENDUDUK LUAR BANDAR.

PERDANA MENTERI MENARIK PERHATIAN BAHAWA HASRAT KERAJAAN INGIN MELIHAT MASYARAKAT LUAR BANDAR GIAT BERUSAHA MEMPERBAIKI DIRI DAN MENCARI KEKAYAAN TIDAK BERTUJUAN SUPAYA MEREKA TAKSUB DENGAN KEKAYAAN.

+TETAPI JIKA KITA TIDAK BERUSAHA KITA AKAN TERUS BERADA DALAM KEMISKINAN,+ TAMBAHNYA.

BELIAU MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA KESATUAN JURUTEKNIK PERTANIAN KERANA MERUPAKAN KESATUAN SEKERJA PERTAMA DI NEGARA INI YANG SANGGUP MENGADAKAN KHEMAH-KERJA TERSEBUT DAN BERHARAP IA DICONTOSI OLEH KESATUAN-KESATUAN SEKERJA LAIN.

-- BERNAMA 2035/MB